



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 185 BIL. 33/2025**

**PEMAKLUMAN PENDAFTARAN MASUK KE KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR KANAN
SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2025/2026**

Dimaklumkan bahawa **pendaftaran masuk pelajar kanan** ke Kolej Kediaman bagi Semester 1, Sesi Akademik 2025/2026 akan diadakan pada **04 Oktober 2025 (Sabtu) dan 05 Oktober 2025 (Ahad)**

Sehubungan itu, semua pelajar **diwajibkan** untuk :

- **Membuat *Self Check-In*** melalui sistem MyGading mulai **1 Oktober 2025**.
- Hadir ke kaunter Pejabat Kolej Kediaman pada **04 Oktober 2025 (Sabtu) dan 05 Oktober 2025 (Ahad)**, bermula jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang** untuk urusan pengambilan kunci.
- Mematuhi ketetapan bahawa **tiada sebarang permohonan pertukaran bilik atau rumah dibenarkan** dalam tempoh pendaftaran ini.

Pelajar juga diminta untuk **merancang jadual perjalanan dan mematuhi waktu pendaftaran** yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran proses ini.

Pihak pengurusan tidak akan melayan sebarang permohonan yang tidak mematuhi ketetapan yang telah dinyatakan. Kerjasama dan perhatian anda sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
24 September 2025